KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PEMAKLUMAN BERKENAAN KOSMETIK YANG DIKESAN MENGANDUNGI RACUN BERJADUAL/BAHAN LARANGAN

Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin menggesa orang awam untuk mengelak daripada membeli dan menggunakan kosmetik berikut kerana dikesan mengandungi racun berjadual dan bahan larangan seperti di bawah:

Bil.	Nama kosmetik	Racun Berjadual/Bahan Larangan Yang Dikesan
1.	TOPORIN - HYDRA SENSITIVE CREAM	Miconazole
2.	WAN FU SHUANG LOTION	Imazalil

Notifikasi kosmetik berkenaan telah tamat tempoh sah dan kosmetik tersebut tidak lagi dibenarkan untuk dijual di Malaysia.

PERIHAL MICONAZOLE DAN IMAZALIL

Bahan racun berjadual miconazole tidak dibenarkan digunakan dalam kosmetik di Malaysia. Produk yang mengandungi bahan ini adalah diklasifikasikan sebagai ubat dan perlu didaftarkan dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) sebelum boleh dipasarkan.

Ubat yang mengandungi miconazole hanya boleh digunakan atas nasihat dan pemantauan ahli profesional kesihatan. Penggunaan tanpa pengawasan yang sesuai boleh menyebabkan pelbagai kesan sampingan yang tidak diingini, seperti peningkatan risiko kerintangan antimikrob dan seterusnya mengurangkan keberkesanannya untuk merawat jangkitan pada masa hadapan.

Imazalil atau turut dikenali sebagai enilconazole pula merupakan bahan larangan yang tidak dibenarkan sama sekali dalam formulasi kosmetik.

Imazalil adalah sejenis bahan aktif racun kulat yang boleh mendatangkan kesan buruk kepada kesihatan. Pendedahan kepada bahan ini boleh menyebabkan kerengsaan mata yang serius, manakala pendedahan berulang atau berpanjangan berpotensi menjejaskan fungsi hati.

PERINGATAN KEPADA PENJUAL DAN PENGEDAR KOSMETIK INI

Penjual dan pengedar kosmetik ini perlu menghentikan penjualan dan pengedaran kosmetik tersebut dengan serta-merta.

Penjualan dan pengedaran kosmetik tidak bernotifikasi adalah melanggar **Peraturan 18A (1) (a) Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984,** yang merupakan satu kesalahan di bawah Peraturan 18A (15) Peraturan yang sama dan boleh dihukum di bawah Seksyen 12 Akta Jualan Dadah 1952.

Individu yang melakukan kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh dikenakan hukuman **denda tidak melebihi RM25,000** atau **penjara tidak melebihi 3 tahun** atau **kedua-duanya** untuk kesalahan pertama dan denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan berikutnya. Syarikat yang melakukan kesalahan boleh dikenakan denda sehingga RM50,000 untuk kesalahan pertama dan denda sehingga RM100,000 untuk kesalahan berikutnya.

PERINGATAN KEPADA ORANG AWAM

Orang awam yang sedang menggunakan kosmetik ini dinasihatkan untuk segera menghentikan penggunaannya dan mendapatkan nasihat daripada ahli profesional kesihatan jika mengalami sebarang ketidakselesaan atau kesan advers.

Orang awam turut digalakkan untuk menyemak status notifikasi sesuatu kosmetik dan senarai kosmetik yang telah dibatalkan dengan melayari laman sesawang rasmi NPRA www.npra.gov.my.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
23 NOVEMBER 2026

MALAYSIA MADANI

LAMPIRAN

Nama Kosmetik: TOPORIN - HYDRA Sensitive Cream







Nama Kosmetik: WAN FU SHUANG LOTION





